

# JAWAPAN (2018)

## Kertas Model UPSR

Penulisan

Bahagian A

- 1 Sim Hui membaling bola ke arah adiknya sambil meregangkan otot untuk menyihatkan badan.
- 2 Hanisah dan suaminya berjalan di tepi pantai sambil berbual untuk mengeratkan lagi hubungan.
- 3 Guan Eng duduk berehat sambil menuap makanan ke dalam mulut untuk mengalas perut.
- 4 Puan Kim Yee menghulurkan makanan kepada suaminya yang duduk mengawasi anak mereka untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.
- 5 David dan rakan-rakannya merendamkan kaki di dalam air laut sambil melihat gelagat para pengunjung pantai tersebut.

Penulisan

Bahagian B

Poster tersebut menunjukkan maklumat tentang Hari Keluarga Taman Lee Ling yang diadakan pada 23 Februari 2019. Majlis anjuran persatuan penduduk setempat ini diadakan di gelanggang terbuka Taman Lee Ling. Aktiviti yang diadakan ialah senamrobik dan sukaneka untuk mengeratkan hubungan penduduk setempat. Selain itu, jemputan akan menikmati jamuan makan sambil berbual mesra sebelum acara cabutan bertuah. Semua penduduk dijemput hadir bagi memeriahkan aktiviti sambil mengisi masa lapang pada hari Sabtu nanti.

Penulisan

Bahagian C

### Soalan I

Pada minggu lepas, sekolah saya telah mengadakan pertandingan pidato peringkat daerah. Pertandingan pidato ini bertemakan alam sekitar sebagai usaha untuk memberikan kesedaran khususnya kepada murid.

Suasana di dataran sekolah menjadi riuh sejak pagi lagi. Ketibaan pemidato dari sekolah lain bersama penyokong dan guru-guru mereka seakan menambah debaran. Urusan pendaftaran terus dimulakan. Semua peserta diiring masuk ke dalam dewan sekolah, iaitu tempat pertandingan diadakan.

Tepat pukul 9.30 pagi, pertandingan pidato dimulakan. Peserta silih berganti menyampaikan hujah menerusi pidato yang disampaikan. Tiba-tiba, tepukan gemuruh kedengaran. Ini menandakan tiba giliran pemidato sekolah kami untuk beraksi. Hujahnya mantap, padu dan cukup bertenaga sekali.

Pada pukul 12.00 tengah hari, kesemua peserta berjaya mempersembahkan pidato masing-masing. Sementara barisan hakim membuat kiraan markah, para peserta serta tetamu jemputan dihidangkan makanan. Sejurus selepas itu, ketua hakim tampil ke pentas untuk membuat pengumuman.

Ketua hakim terlebih dahulu menerangkan kaedah pemberian markah seterusnya mengumumkan kedudukan pemenang bagi pertandingan pidato pada hari itu. Keadaan di dalam dewan menjadi hinggar-binggar dengan sokongan untuk setiap peserta pidato. Seluruh isi dewan senyap seketika apabila nama pemenang pertama pertandingan ingin diumumkan. Namun, ketika ketua hakim mengumumkan nama johan pertandingan, suasana menjadi bingit kembali. Jeritan kuat terdengar tatkala pemidato sekolah saya telah dinobatkan sebagai johan pada tahun ini.

Setelah acara penyampaian hadiah berakhir, orang ramai mula meninggalkan dewan. Saya berharap agar pertandingan seumpama ini diteruskan lagi pada tahun hadapan.

## **Soalan 2**

**Sabtu, 8 Jun 2019**

### **6.30 pagi**

Kami mendengar taklimat di dataran sekolah. Kami mula beratur menaiki bas seterusnya memulakan perjalanan ke Kem Permai. Guru menyemak nama setiap murid yang berada di dalam bas sebagai langkah keselamatan.

### **10.00 pagi**

Setibanya di Kem Permai, kami mula menurunkan barang-barang yang dibawa. Kem komandan memberikan taklimat dan beberapa peringatan penting. Kami dipecahkan ke dalam beberapa buah kumpulan. Setiap kumpulan akan menjalankan tugas masing-masing.

### **12.30 tengah hari**

Kami berhenti rehat untuk menikmati makan tengah hari yang sedia dibekalkan. Kami makan bersama guru dan rakan-rakan yang lain. Selesai makan tengah hari, kami mendirikan khemah mengikut kumpulan yang ditetapkan.

### **2.00 petang**

Kami membuat latihan pertolongan cemas bersama kem komandan. Pengalaman yang amat berharga ini akan kami simpan untuk bekalan kemudian hari. Setelah itu, kami diarahkan untuk mencari ranting kayu yang akan digunakan sebagai bahan bakar sepanjang pekhemahan nanti.

### **1.00 petang**

Kami dibenarkan mandi di kawasan air terjun dengan pengawasan guru pengiring. Setelah itu kami bersedia memasak makanan untuk hidangan makan malam nanti. Memasak menggunakan kayu api merupakan pengalaman pertama yang sudah pasti tidak akan dilupakan.

### **9.00 malam**

Selesai makan, kami diarah tidur kerana keesokan harinya kami perlu bangun awal bagi meneruskan aktiviti lain. Kami tidur dengan nyenyak sekali kerana keletihan sepanjang hari.

**Ahad, 9 Jun 2019**

### **7.00 pagi**

Semua murid bersiap sedia untuk aktiviti seterusnya, iaitu ikhtiar hidup. Kem komandan memberikan taklimat untuk menerangkan panduan aktiviti tersebut. Murid bergerak mengikut kumpulan dan diawasi oleh beberapa orang guru pengiring.

### **10.00 pagi**

Setiap kumpulan mempersembahkan hasil tugas. Perbincangan dan perkongsian diadakan dalam kalangan peserta perkhemahan. Kem komandan turut berkongsi pengalaman dan sedikit nasihat untuk dijadikan panduan. Kami begitu gembira sekali.

### **2.00 petang**

Selepas menikmati makan tengah hari, kami mula berkemas. Khemah diturunkan. Sampah-sarap dikumpul. Kami bergotong-royong menyusun barang ke ruangan simpanan di dalam bas. Setengah jam selepas itu, kami mula bergerak meninggalkan tapak perkhemahan.

*(Jawapan lain yang bersesuaian untuk Penulisan Bahagian A, B dan C diterima)*